



Sekumpulan peserta ekspedisi saintifik Taman Negara Johor Endau Rompin mula meneruskan perjalanan ke Kem Bertedung.

[FOTO NASHAIRI MOHD NAWI/BH]

Daki cerun mencabar

» *Bukit Tongkat Ali Cabang Dua uji keupayaan peserta ekspedisi saintifik*

Oleh **Muhd Yusuf Abu Bakar dan Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail**
bhnew@bharian.com.my

► Segamat

Perjalanan mendaki cerun 60 hingga 90 darjah ke puncak Bukit Tongkat Ali Cabang Dua di Selai, dekat sini, cukup mencabar fizikal dan mental.

Jarak dari Sungai Selai, tempat memulakan Ekspedisi Sainifik Taman Negara Johor Endau Rompin (TNJER) ke kem pertama itu hanya 5.2 kilometer, namun Bukit Tongkat Ali Cabang Dua cukup menguji keupayaan peserta untuk sampai segera ke destinasi.

Semua 56 penyelidik, porter dan wakil BH memulakan ekspedisi tepat jam 10.30 pagi ke Kem Bertedung bagi memulakan kajian ilmiah sembilan hari dengan jangkaan sampai

ke lokasi lima jam kemudian.

Antara saintis menyertai ekspedisi ini ialah pakar serangga, Datin Prof Dr Maryati Mohamed, 60. Penyertaannya menyuntik semangat penyelidik muda kerana kegigihan menyelidik serangga walaupun sudah lanjut usia selain berdepan kekangan penyakit.

Sebelum memulakan perjalanan, kami membuat persiapan rapi dengan mengurangkan berat beg, hanya membawa barangan perlu kecuali jurugambar, Nashairi Mohd Nawi yang terpaksa membawa peralatan kamera agak berat selain beg pakaian ke dalam hutan.

Beg seberat lebih 10 kilogram disandang di belakang, malah ada porter membawa beban 40 kilogram termasuk set jana kuasa, tidak hairanlah ramai tercungap-cungap dan terpaksa berhenti mengambil nafas. Nashairi sempat merakam gambar sepanjang perjalanan, anak sungai penuh dengan tapak kaki babi dan tapak gajah.

Perjalanan turut melalui air terjun, namun tiada yang berhenti menikmati keindahannya kerana semua kepenatan selain mendaki cerun curam. Pada ketinggian lebih 300 meter, kami dapat melihat hutan dipterokap yang ditumbuhi pokok besar seperti mer-sawa kuning, keruing kipas, keruing gombang, seraya, me-



Maryati meneliti spesies semut raksasa menggunakan kanta pembesar.

ranti sarang punai.

Kami bersama Penolong Pengurus Penyelidikan TNJER, Mohd Sufian Abd Kadir dan penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Imin Kamin berjaya melepasi kelompok pendaki lain dan pertama sampai ke puncak bukit ditanda pokok tongkat ali bercabang dua.

Kami terus menuruni bukit dalam keadaan hujan renyai. Ketika melalui denai tanah pamah, banyak tumbuhan paya ditemui, antaranya spesies pokok palma seperti serdang (*Livistonia*), pokok daun payung (*Johannesteijsmannia altifrons*), pokok pinang dampong (*Pinanga*) dan pokok palas (*Licuala*).

Perjalanan kembali mudah, kami sampai ke Kem Bertedung jam 1 tengah hari dan disambut komandan kem, Ashadi Mohd Saim. Bagi Yusuf, terdetik rasa bangga di hati kerana walaupun pada usia tua dan hampir bersara, mampu mendahului peserta lain tiba di destinasi.

Kem Bertedung tidak besar, namun mampu menampung kira-kira 60 penyelidik. Selain khemah untuk tidur menggunakan hammock (buaian), khemah untuk memasak turut disediakan. Selepas berehat sebentar, bermulalah tugas kami merakam dan mengikut penyelidik ke dalam belantara selama tiga hari.

INFO

Ekspedisi Sainifik TNJER

- Dari Selai, Segamat ke Peta, Mersing
- Bermula 30 Jun
- Merekod dan mengkaji kepelbagaian biologi.
- Penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Menyelidik fauna, flora, kulat, orkid, serangga, geologi dan hidrologi